



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



# SIARAN MEDIA

21 MAC 2021  
UNTUK SIARAN SERTA MERTA

## CYBERSECURITY MALAYSIA DAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU JALIN KERJASAMA UNTUK TERUS PERKUKUH BIDANG KESELAMATAN SIBER

**CYBERJAYA** – CyberSecurity Malaysia, agensi pakar teknikal keselamatan siber di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) hari ini menandatangani Memorandum Perjanjian bagi memperkukuhkan jalinan kerjasama dalam bidang keselamatan siber yang turut merangkumi bidang keselamatan siber maritim negara.

Majlis berlangsung secara maya dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia dan YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar, Naib Canselor, Universiti Malaysia Terengganu.

Memorandum perjanjian yang dimeterai merangkumi pengujian dan penyelidikan keselamatan siber khususnya dalam bidang keselamatan awan yang meliputi projek-projek, antaranya;

1. Pembangunan *Massive Open Online Course* bagi Kursus Keselamatan Komputeran Awan dan Penerapan Elemen Industri Revolusi 4.0;
2. Pembangunan Model bagi Penilaian Kelemahan dan Pengujian Penembusan (VAPT) untuk Perkhidmatan Pengkomputeran;
3. *Cloud Application Development, cloud secure hosting and security assessment for cloud application(Aedestech Apps, Near-filed communication technology based Apps and IOT based Apps.*



Securing Our Cyberspace

CyberSecurity Malaysia  
200601006881 (726630-U)

T +603 8800 7999  
F +603 8008 7000  
H 1 300 88 2999

Level 7, Tower 1  
Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Projek-projek ini diselaras dan ketua oleh wakil dari UMT iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Noraida Hj Ali dari UMT (Projek 1 dan 2), Prof. Madya Ts. Dr. Mustafa Man (Projek 3) manakala wakil dari CyberSecurity Malaysia ialah Puan Norahana Salimin (Projek 1, 2 dan 3).

Dengan wujudnya jalinan kerjasama ini, model rangka kerja baharu mengenai penilaian kerentanan dan pengujian penembusan untuk perkhidmatan pengkomputeran awan baharu dapat dihasilkan untuk diguna dan dirujuk oleh mana-mana organisasi yang relevan sebagai panduan yang lebih berkesan. Selain itu, kursus serta latihan dalam talian juga dapat diwujudkan bagi mengadaptasi augmentasi realiti dalam bidang pengkomputeran awan selain menggalakan penggunaan persekitaran awan yang selamat dalam pembangunan aplikasi telefon dan laman web.

“Kolaborasi ini memberi manfaat, antaranya mempertingkatkan sumbangan ilmu pengetahuan di dalam bidang keselamatan siber khususnya pengkomputeran awan dan membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi dari segi strategi menghasilkan model rangka kerja bagi penilaian dan pengujian keselamatan aplikasi dalam awan. Melalui kerjasama ini penyelidikan keselamatan siber terhadap pelbagai aplikasi bagi tujuan memelihara persekitaran pengkomputeran awan yang selamat juga dapat dihasilkan.” ujar Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Menurut Dato’ Ts. Dr. Amirudin kerjasama yang terjalin di antara CyberSecurity Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu ini jelas menunjukkan sinergi utuh kedua belah pihak dalam meneruskan kelangsungan pengukuhan bidang keselamatan siber. Hasil penyelidikan projek akan dapat memberi impak secara langsung kepada orang awam khususnya dalam penggunaan pengkomputeran awan dengan selamat.

Sementara itu, Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni Mokhtar pula berkata kerjasama penyelidikan ini bakal memberikan faedah serta kebaikan kepada Universiti Malaysia Terengganu dan CyberSecurity Malaysia khasnya bagi meningkatkan kualiti penyelidikan dan kualiti graduan ke tahap yang lebih tinggi.

Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni Mokhtar yakin bahawa 3 projek kerjasama penyelidikan rintis antara Universiti Malaysia Terengganu bersama CyberSecurity Malaysia mempunyai impak

tinggi yang akan memberi manfaat kepada kualiti pengajaran dan penyelidikan di Universiti Malaysia Terengganu secara amnya dan di Malaysia secara khususnya.

Selain daripada kolaborasi dalam penyelidikan, CyberSecurity Malaysia dan Universiti Malaysia Terengganu turut berkolaborasi dalam penyertaan staf dan pelajar Universiti Malaysia Terengganu untuk mengikuti kursus dan peperiksaan persijilan profesional yang berkait dengan keselamatan siber. Pihak CyberSecurity Malaysia juga telah menerima staf Universiti Malaysia Terengganu untuk menjalani sebatikal dan sangkutan industri.

Melalui kolaborasi ini kedua belah pihak telah bersetuju untuk menjalankan penyelidikan, pembangunan, pengujian, pengauditan, program latihan dan kesedaran. Bagi memperkemas dan melancarkan pelaksanaan projek di bawah kolaborasi ini, CyberSecurity Malaysia telah menyediakan dua buah komputer riba untuk digunakan oleh pasukan pelaksana.

~ Tamat ~

---

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila emel: [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my) atau hubungi +603-8008 7237, Mohd Shamil Mohd Yusoff / Zul Akmal Abdul Manan +603-8008 7242